




UNIT STATISTIK EKONOMI



Kerangka System of National Accounts (SNA) 2025 mengelaskan unit statistik ekonomi secara berhierarki untuk menggambarkan struktur pemilikan, kawalan ekonomi dan aktiviti pengeluaran. Hierarki ini bermula dengan Kumpulan Enterpris, diikuti oleh Enterpris, dan seterusnya Pertubuhan (*establishment*) sebagai unit asas pengeluaran.



Kepentingan Unit Statistik

1

Ketepatan Pengukuran Ekonomi

Mengelakkan pertindihan dan duplikasi data ekonomi.

2

Ketepatan Analisis Geografi

Membolehkan penjaan nilai diukur mengikut lokasi sebenar.

3

Penentuan Kod Industri yang Betul

Memastikan aktiviti ekonomi dikelaskan kepada industri yang tepat.



Apa itu Unit Statistik?

Entiti pemerhatian atau pengukuran yang menjadi asas kepada pengumpulan dan analisis data statistik.

UNIT STATISTIK



PERTUBUHAN

Satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau kawalan tunggal iaitu di bawah satu entiti yang sah, menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi atau mempunyai satu jenis aktiviti ekonomi utama di **satu lokasi sahaja**.

Keyword: Activity & Location Basis



ENTERPRIS

- Entiti yang sah dan mungkin **mengandungi lebih daripada sebuah pertubuhan**.
- Pelaksana dalam transaksi ekonomi yang mempunyai autonomi dalam membuat keputusan kewangan dan pelaburan
- Mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk mengagihkan sumber** bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan

Keyword: Economic Autonomy & Decision Making



KUMPULAN ENTERPRIS


Sekumpulan enterpris yang dikawal **secara bersama** oleh unit institusi yang sama, (contohnya syarikat induk), yang **boleh membuat keputusan ekonomi sendiri** dan memiliki kawalan ke atas anak syarikat atau cawangan

Keyword: Ownership/ Common Control





CONTOH ILUSTRASI HIERARKI UNIT STATISTIK EKONOMI



Nota: Ilustrasi ini diolah bagi tujuan pemahaman konsep dan tidak mewakili struktur sebenar, namun berasaskan rujukan laporan kewangan syarikat.

NOTA

Unit statistik yang jelas, data ekonomi yang lengkap dan analisis yang sistematik membolehkan pengukuran ekonomi yang tepat, perbandingan bermakna serta penggubalan dasar yang lebih berkesan

1 CIRI-CIRI UNIT STATISTIK

- Mempunyai Aktiviti Ekonomi yang Jelas
- Boleh Dikenal Pasti (*identifiable*)
- Mempunyai Lokasi Tertentu
- Mempunyai Rekod Kewangan atau Data

2 CONTOH DATA EKONOMI

- Output & Input
- Pendapatan & Perbelanjaan
- Bilangan Pekerja
- Nilai Harta Tetap

